

Pameran 100% Design penuhi idea, reka bentuk moden

Semua mengenai reka bentuk terkini merangkumi konsep, falsafah, teknologi dan guna bahan yang seiring keperluan semasa memenuhi ruang pameran 100% Design 2012 di Earl's Court London dari 19 hingga 22 September lalu.

100% Design 2012 ialah destinasi utama untuk pereka, syarikat penguatkuasaan, pelajar serta peminat reka bentuk kontemporari yang ingin melihat produk baru serta terkini di pasaran pada acara penuh berprestij dalam bidang reka bentuk.

Empat pemenang Anugerah Bakat Muda Dulux 2012 (DETA 2012) yang memenangi hadiah lawatan sambil belajar ke Amsterdam, Belanda, berpeluang mengunjungi pameran reka bentuk kontemporari terkemuka yang sudah memasuki tahun ke 18 pengajuannya.

Peluang keemasan ini digunakan Johnson Heng Chun Sheng dari Kolej Saito, Melissa Chong Sook Lynn (Kolej Antarabangsa Alfa), Simon Chong Sin Man (Universiti UCSI) serta pensyarah Seni Reka Bentuk Institut Seni Malaysia, Mohd Khairul Idzham Mohd Musa, menimba pe-

ngalaman baru.

Himpunan idea, reka bentuk

Pameran kali ini menghimpunkan rekaan dengan idea segar, inovatif serta mesra alam daripada pereka serta syarikat bertaraf antarabangsa yang dikumpulkan mengikut kategori masing-masing bagi kemudahan pengunjung.

Bermula dari pintu masuk pusat pameran berbentuk terowong, pengunjung boleh memilih ruang yang dibahagikan kepada empat hab khusus iaitu hiasan dalam, ruang pejabat, dapur dan bilik air, reka dan bina yang bersifat menggalakkan penggunaan bahan kitar semula di masa depan.

Pelajar hiasan dalaman, Chun Seng, berkata pameran 100% Design adalah acara besar yang istimewa bagi dirinya untuk melihat rekaan serta teknologi baru yang digunakan dalam bidang reka bentuk.

"Banyak reka bentuk yang luar biasa dan paling penting ialah setiap pereka mampu menceritakan secara terperinci mengenai produk mereka. Pendedahan ini banyak membantu pelajar seperti saya. Mana yang sesuai kita terima, mana yang tidak diambil seba-

gai pengajaran,” katanya.

Sementara itu, Sook Lynn yang bersejua dengan pendapat Chun Seng, berkata rekaan yang mudah boleh jadi menakjubkan jika kegunaannya praktikal dan pada masa sama dapat mendorong pengguna supaya peka terhadap pemuliharaan alam sekitar.

Pelajar tahun akhir bidang seni bina itu berpendapat, pembelajaran melalui pemerhatian turut membantu peminat seni bina dan seni reka melihat proses menghasilkan produk daripada sudut pandang berlainan.

Cabaran yakinkan pengguna

Bagi Sin Man, cabaran pereka hari ini ialah untuk meyakinkan pengguna bagaimana produk mereka boleh memenuhi keperluan mereka.

Justeru katanya, selain memikirkan kemampuan menghasilkan rekaan terbaik, pereka juga perlu melihat dari kaca mata pengguna apa yang mereka perlukan bagi memudahkan lagi kehidupan seharian.

“Pereka hari ini berbeza dengan pereka dulu. Pereka bukan saja perlu tahu kehendak pengguna, malah mereka juga mesti

bijak menggunakan bahan selain memastikan rekaan boleh berfungsi kepada masyarakat,” katanya.

Berbeza pula dengan Mohd Khairul Idzham, kesempatan mengunjungi pameran yang berjaya menarik minat pengunjung seluruh dunia itu digunakan bagi membina rangkaian kenalan untuk prospek kerjaya di masa depan.

Pada masa sama, beliau cuba meng-

hayati pendekatan digunakan pereka serta syarikat pengeluar ketika mempersembahkan konsep rekaan mereka untuk diserapkan dalam strategi pembelajaran nanti.

“

Pereka bukan saja perlu tahu kehendak pengguna, malah mereka juga mesti bijak menggunakan bahan selain memastikan rekaan boleh berfungsi kepada masyarakat”

Simon Chong Sin Man,
Pelajar Universiti UCSI



(Dari kiri) Simon, Johnson dan Melissa **mencuba produk inovasi yang dipamerkan di Pameran 100% Design, di London.**